

02 JUL 1998

MAHATHIR TEMUI PEMIMPIN UMNO KEDAH

ALOR SETAR, 2 Julai (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini mengadakan pertemuan tertutup dengan pemimpin-pemimpin Umno Kedah di Bilik Gerakan Wisma Darul Aman di sini.

Perjumpaan yang bermula 2.30 petang itu dihadiri semua Ketua Bahagian, Ketua Pemuda dan Ketua Wanita Umno negeri. Yang turut hadir ialah Menteri Besar Tan Sri Sanusi Junid yang juga Pengerusi Badan Perhubungan Umno Kedah.

Dr Mahathir sedang rangka lawatan sehari ke Kedah.

Sebelum itu, pada satu persidangan berita di ibu pejabat Umno negeri di Bangunan Tunku di sini, Pemuda Umno Kedah menyatakan sokongan padu terhadap kepimpinan Dr Mahathir.

Ketuanya Abdul Halim Said berkata Pemuda Umno Kedah memberi kepercayaan sepenuhnya kepada Perdana Menteri dalam menangani kegawatan ekonomi dan yakin beliau akan dapat menyelesaikannya dengan sokongan padu semua pihak.

-- BERNAMA

MAN MN MAI